

Harapan bagi seorang Kristian adalah suatu hari nanti kita akan bersemuka dengan Allah Bapa di Syurga Yerusalem, untuk memperoleh keagungan kasihNya buat selama-lamanya. Itulah harapan yang berpusatkan hidup saya, membangkitkan keinginan saya untuk mendekati Kerajaan Allah walaupun hidup menjalani hidup di lembah air mata. Apakah harapan yang kita perolehi sebagai manusia atau di dunia ini sekiranya setiap hari kita dikelilingi dengan imej keganasan dan kebencian, jika harapan itu bukan daripada Firman yang Kekal yang Menjelma di sini, bukan berkata-kata tentang kasih secara abstrak tetapi melakukan kerja-kerja kasih dengan segenap hati, pengorbanan yang mengembalikan kasih kepada sumbernya?

Maka, harapan saya ialah keselamatan jiwa saya, yang merupakan hadiah cintakasih Allah kepada saya. Apabila saya mengatakan bahawa saya mengasihi Tuhan, saya cuma mengambil dari cintakasih yang Dia berikan terlebih dahulu, dengan penuh harapan untuk kembali kepada-Nya sepenuhnya melalui persembahan hidup saya, sepertimana yang Dia tawarkan kepada saya melalui Yesus Kristus. Apabila saya mengatakan saya mengasihi diri saya, bermaksud saya membuka diri saya untuk menerima cintakasih Allah dan untuk menginginkan keselamatan diri sendiri, mengerjakannya dengan takut dan gentar (Filipi 2 : 12) sebagaimana saya mencari penghiburan dan rahmat di dalam doa dan Sakramen-sakramen. Apabila saya mengatakan bahawa saya mengasihi sesama saya seperti saya mengasihi diri sendiri, bermaksud bahawa saya menginginkan keselamatan jiwa mereka dan akan akan berjalan mengikut jalan Kristus menuju kepada Salib untuk mereka jika hanya mereka akan diselamatkan.

Segala sesuatu diperintahkan untuk menyelamatkan jiwa kerana ini adalah satu-satunya harapan kita dalam Yesus Kristus. Kita di sini bukan untuk mencipta beberapa 'kerajaan tuhan' utopia di bumi sehingga apabila Kristus datang lagi dalam kemuliaan Ia tidak perlu kembali bersama kita kepada Bapa-Nya di syurga. Kita berada di sini "sebab kita tidak memperhatikan yang kelihatan, melainkan yang tak kelihatan, karena yang kelihatan adalah sementara, sedangkan yang tak kelihatan adalah kekal" (2 Korintus 4:18), kerana kewargaan kita adalah di dalam syurga, dan dari situ juga kita menantikan Tuhan Yesus Kristus sebagai Juruselamat (Filipi 3:20).

Dalam konteks ini saya ingin menetapkan pewartaan Injil untuk hari minggu pertama musim Adven, untuk mengingatkan diri saya sendiri dan menggesa anda semua untuk membangkitkan kebaikan harapan yang merupakan anugerah Tuhan dan yang menjawab keinginan kita yang membara untuk kebahagiaan. Semoga harapan ini yang memenuhi penglihatan penuh keagungan Tuhan untuk selama-lamanya memfokuskan semula perspektif kehidupan kita di dunia ini. Semoga kita melihat kegembiraan kita sekarang sebagai renungan kegembiraan yang disempurnakan yang mana kita dipanggil untuk mengambil bahagian untuk selama-lamanya. Semoga kita melihat penderitaan kita sekarang sebagai bahagian kita yang rendah dalam penderitaan Kristus; penderitaan sementara yang hanya dapat memperkuat harapan kita kerana oleh mereka, bergabung dengan Salib, kita bekerja untuk keselamatan jiwa kita dan sesama. Semoga harapan hidup dan hidup ini dapat terjaga di dalam diri kita ketika Dia datang lagi, kerana inilah pesan kedatangan, bahawa "Yesus ini yang terangkat ke syurga meninggalkan kamu, akan kembali dengan cara yang sama seperti kamu melihat Dia naik ke Syurga" (Kisah 1: 11b).

Oleh itu, mari kita mengharapkan bukan untuk suatu perkara-perkara yang sia-sia dan perkara kecil, bukan untuk penyelesaian atau kejayaan, melainkan dalam janji Kristus.

Sesungguhnya aku menyatakan kepadamu suatu rahasia: kita tidak akan mati semuanya, tetapi kita semuanya akan diubah, dalam sekejap mata, pada waktu bunyi nafiri yang terakhir. Sebab nafiri akan berbunyi dan orang-orang mati akan dibangkitkan dalam keadaan yang tidak dapat binasa dan kita semua akan diubah. Kerana yang dapat binasa ini harus mengenakan yang tidak dapat binasa, dan yang dapat mati ini harus mengenakan yang tidak dapat mati. Dan sesudah yang dapat binasa ini mengenakan yang tidak dapat binasa dan yang dapat mati ini mengenakan yang tidak dapat mati, maka akan genaplah firman Tuhan yang tertulis: "Maut telah ditelan dalam kemenangan." (1 Korintus 15:51-54) †

Menjadi Murid-Murid Harapan

NEWBEC

3 Disember 2017
Hari Minggu Adven Ke-1

Kebangkitan HARAPAN



Bagaimanakah saya ingin Tuhan mencari saya ketika dia datang? Sudah tentu, dikejutkan dengan harapan hari keselamatan. Tetapi apa yang harus saya lakukan hari ini untuk membuatkan saya bersedia untuk hari Tuhan? Semangat Adven adalah salah satu persiapan tersebut. Sering kali persiapan ini dilakukan untuk menjadikan diri kita bersedia untuk perayaan Krismas. Menulis kad, membeli hadiah, memasang hiasan ... Disember adalah bulan yang sibuk. Tetapi lebih daripada itu, kita memasang lagu-lagu Krismas melalui sistem pembesar suara pasar raya, makna sebenarnya musim ini mudah dilepaskan oleh perayaan yang pramatang, sehinggakan ianya bermula sebelum lilin ungu pertama dinyalakan pada Kalungan Bunga Adven.

Dengan risiko mengubah Grinch hijau, saya meminta anda untuk mempertimbangkan hati pertobatan musim ini, seruan untuk pertobatan yang menggemakan suara Baptis di padang gurun yang memanggil, "Persiapkanlah jalan untuk Tuhan, buat jalannya lurus!" (Markus 1: 3) Persiapkanlah hati anda untuk menerima Tuhan. Ingat kembali pembaptisan anda, saat anda menolak setan dan segala pekerjaannya, apabila anda berbalik daripada dosa dan kematian dan mengenakan diri anda dengan jubah putih keselamatan. Masa adven adalah masa untuk mengeluarkan jubah itu keluar lagi, dan untuk memastikan ianya seputih seperti di hari pertama anda memakainya. Membuat jalan yang lurus buat Tuhan bermaksud menyingkirkan rintangan dalam kehidupan yang menghalang anda untuk keluar menemui-Nya. Takut pada hari ketika anda akan bertemu dengan-Nya secara bersemuka hanya boleh digantikan dengan harapan dimana kita dibebaskan daripada bebanan dosa-dosa dan bebas untuk merangkul orang yang membebaskan kita. Kerana itulah kita memulakan perjalanan tahun liturgi yang dikelilingi oleh warna ungu pertobatan, yang membangkitkan citra Kristus yang dimahkotai dengan duri, diejek, disiksa, dan ditolak oleh umatnya sendiri dengan teriakan "Salibkan Dia!". Ini adalah peringatan kuat mengapa Sabda Abadi menjelma merendahkan diri sampai mati di kayu salib, dan hal itu juga merendahkan kita, sebelum cinta yang begitu besar yang sering kita tolak.

Pada permulaan tahun gereja, kita diingatkan tentang mengapa Firman menjadi Daging, supaya kita dapat menerima perubahan kehidupan di mana setiap kita dipanggil. Ia adalah perubahan yang melihat kita (dalam kata-kata Mazmur Tanggapan hari ini) kembali kepada Tuhan untuk melihat rahmat-Nya dan menerima pertolongannya; kerana keadilan telah berjalan di hadapannya sebagai Bapa yang mendapat kepuasan penuh untuk semua dosa manusia pada kematian Anak-Nya, dan damai memang mengikuti kehendaknya: kedamaian antara langit dan bumi yang diwartakan oleh para malaikat pada saat kelahirannya, "Kemuliaan yang tinggi bagi, dan damai di bumi, kepada orang-orang yang berkenan."

Oleh itu semoga kita berusaha untuk hidup dalam kedamaian yang sama seperti yang telah diberikan di dalam Kristus, dan mempersiapkan hidup kita untuk kemuliaan Allah yang akan dinyatakan. Kedamaian Kristus adalah akhir dari permusuhan antara manusia dan Tuhan. Inkarnasi, kematian, kebangkitan dari kematian, dan kenaikan ke sebelah kanan Bapa menyatakan bahwa peperangan kita telah selesai, bahwa kesalahan kita diampuni. Dan seperti, di musim Adven ini, kita menanti dengan harapan untuk kembali dalam kemuliaan, marilah kita memperhatikan kata-kata Santo Petrus, bahwa sementara kita menunggu, kita melakukan yang terbaik untuk menjalani hidup tanpa bercacat dan bernoda di hadapan-Nya, dalam perdamaian dengan Dia (2 Petrus 3:14).

"Saudara-saudaraku yang terkasih, sekarang kita adalah anak-anak Allah, tetapi belum nyata apa keadaan kita kelak; akan tetapi kita tahu, bahawa apabila Kristus menyatakan diri-Nya, kita akan menjadi sama seperti Dia, sebab kita akan melihat Dia dalam keadaan-Nya yang sebenarnya. Setiap orang yang menaruh pengharapan itu kepada-Nya, menyucikan diri sama seperti Dia yang adalah suci." (1 Yohanes 3 : 2-3) †

NEWBEC

10 Disember 2017
Hari Minggu Adven Ke-2



Bersiap Sedia Dengan Harapan

Sebelum waktu subuh, kaki langit berubah warna, dan meskipun matahari belum terbit, kami membuat kesenangan bahawa malam akan berakhir dan hari lain lagi akan bermula. Warna mawar yang penuh harapan menerangi lagi warna ungu dalam musim ini dengan janji penyelamatan. Oleh itu, sewaktu kita berkumpul untuk Misa Kudus dan paderi mendekati mezbah yang dikenakan kain berwarna mawar, Gereja menyatakan, "Bersukacitalah dalam Tuhan selalu; Sekali lagi saya katakan, bersukacitalah! Sesungguhnya Tuhan sudah dekat."

Hari ini kita diingatkan tentang tujuan penantian kita; kita dihiburkan dengan janji bahawa penderitaan memberi jalan kepada sukacita, sama seperti matahari terbit setiap hari dari timur. Sudah pasti, kita mesti melihat ke dalam untuk memeriksa hati nurani kita dan bertobat dari dosa kita, yang memisahkan kita dari jalan kesucian yang membawa kepada Tuhan. Bagaimanapun kita juga harus melihat ke luar, pada waktu yang subuh, sentiasa berharap akan kedatangan Tuhan, dan sentiasa gembira bahawa cahaya yang la bawa menghalau keluar semua bayang-bayang dosa dan melenyapkan kegelapan penderitaan manusia.

Dalam cahaya mawar Ahad *Gaudete* ini, mari kita mempertimbangkan sifat kegembiraan Kristian. Bilakah kali terakhir anda berasa gembira? Apakah sumber kegembiraan anda? Dan berapa lamakah ia bertahan? Semua benda di dunia ini akan pudar dan hilang. Inilah sifat alam semula jadi dunia. Ia telah menjadi sebab, bahawa semua kegembiraan yang terdapat di dalam dunia ini juga akan pudar dan seterusnya hilang. Bau kereta baharu memudar dengan cepat, begitu juga dengan kegembiraan memandu yang hilang dalam kekecewaan sewaktu menghadapi kesesakan dalam perjalanan seharian kita. Kegembiraan bercuti lenyap dalam beban kerja, meskipun kenangan itu memudar dan hanya direalisasikan sementara sebagai gambar-gambar yang muncul dalam Facebook kita untuk mengingatkan akan kegembiraan yang sudah berlalu. Sepastinya terdapat kegembiraan yang dapat dijumpai dalam kehidupan seharian kita dan dalam dunia semula jadi, tetapi ini hanyalah sebahagian kecil dari kegembiraan yang luar biasa yang terdapat dalam Kerajaan Allah Bapa. Hanya apabila semua kegembiraan kita dalam dunia ini tertanam pada janji kegembiraan abadi di syurga, barulah kita dapat bersukacita dengan harapan yang diberkati oleh Kristus.

Ia boleh menjadi mudah seperti mengucapkan terima kasih kepada Tuhan atas kegembiraan persahabatan, atau untuk keindahan langit biru yang luas. Persembahkan detik-detik meriah hidup kita kepada Tuhan yang memberikan semua yang baik adalah permulaan untuk merasakan kegembiraan yang melampaui dunia ini dan membawa kita setiap hari agar lebih dekat ke syurga.

Oleh sebab itu, Rasul Paulus menasihati kita untuk "Bersukacita pada setiap masa," betul, walaupun kurang sebab untuk bergembira, dan walaupun hidup kita tidak seperti yang diharapkan. Bergembiralah! Kenapa? Santo Paulus mempunyai jawapannya, "kerana inilah yang dihendaki Allah untuk kamu lakukan dalam Yesus Kristus". Sebab dalam Yesus Kristus kita mempunyai sukacita kekal, yang mengindahkan kesedihan dan kedukaan, dan meletakkan segala sesuatu dalam dunia ini dengan tegas dalam konteks: kegembiraan atau kesedihan dalam hal-hal kehidupan ini akan berlalu, dan dalam Yesus Kristus lah terjadinya sukacita dengan dia dalam Kerajaan-Nya selama-lamanya.

Mengikuti pepatah Orang Inggeris, "lihatlah hidup melalui kaca mata berwarna mawar" biasanya dituturkan secara negatif, seolah-olah kacamata ini membuat orang naif dan tidak tahu cara dunia. Tetapi cermin mata berwarna mawar yang diberikan kepada kita pada hari ini adalah cermin mata harapan gembira, yang tidak menyangkal bahawa terdapat kegembiraan dan kesedihan yang dialami dalam dunia di sekeliling kita, tetapi memberi kita perspektif kesyurgaan yang memandang ke atas langit dan ke hadapan pada awal kedatangan Kristus dan membolehkan kita berdiri bersama Yohanes Pembaptis sebagai saksi kepada cahaya, menantikan kedatangan Juruselamat kita, Yesus Kristus. †

Menjadi Murid-Murid Harapan

NEWBEC

17 Disember 2017
Hari Minggu Adven Ke-3



Dalam Harapan Gembira

Dari atas langit, turunlah embun dan awan yang memberikan hujan dan kebenaran, biarkan bumi mendedahkan dan melahirkan Penyelamat.

Antiphon pembukaan untuk minggu Adven ke-4 membawa kita untuk menyelami misteri penampakan dalam bentuk Syurga dan bumi di satu perkuburan suci yang menggambarkan kata-kata daripada Yesus Kristus sendiri - Emmanuel, Allah menyertai kita. Pintu Syurga telah terbuka dengan kemurkaan ataupun untuk membalas dendam tetapi dengan kasih Tuhan Allah sendiri kepada umat ciptaan-Nya. Dan sebagai balasan, seluruh bumi terbuka untuk menerima Dia, menerima kehadiran-Nya dan kemudian memberikan-Nya kepada dunia sebagai Penyelamat kita.

Yesus Kristus dilahirkan di Bethlehem. Kelahiran-Nya ke dunia bukan atas pilihan-Nya ataupun dengan ketakutan dan gementar. Pada hari-hari mendatang, tanpa ada amaran, tanpa ada keseronokan, tiada jangkaan bahawa dunia akan berubah selamanya. Tidak akan ada kerumunan yang berdebar-debar di jalan, tidak akan ada kerumunan yang tidak sabar-sabar menanti saatnya bermula. Ketika embun berguguran pada waktu malam dan hampir tidak dapat dilihat ketika ia jatuh, Tuhan hadir di tengah-tengah kita dengan kelembahlembutan-Nya dengan pakaian indah berkilau. Sekiranya kita diperingatkan tentang tarikh dan jam itu, kita mungkin menjangka manusia pergi ke Syurga tanpa melihat apa-apa kerana bukan dengan cara ini Tuhan akan datang.

Dia telah datang bukan di atas awan Syurga tetapi melalui ciptaan-Nya. Ia mengubah kita selamanya samaada kita melihat-Nya ataupun tidak. Debu yang telah kita cipta dimusnahkan oleh embun dari Syurga yang tidak berubah tetapi intipatinya berubah. Bukan bermaksud di dalam gelap kita dapat melihat tetapi dengan cahaya Syurga, kita mampu melihat kehadiran Emmanuel yang berkilauan, kehadiran Allah sendiri yang nyata. Kerana inilah penampakan yang membuat kita melihat kelembutan Allah yang datang bukan untuk memusnahkan. Allah menunjukkan sifat semula jadi-Nya melalui pengorbanan-Nya, dengan kesakitan yang hanya Dia sahaja yang tahu.

Untuk cinta-Nya yang telah kita alami, telah memupuk kesatuan yang sempurna dengan-Nya. Dengan menolak Roh Kudus yang telah kita terima, kita telah menolak untuk menjadi satu dengan-Nya. Dia datang dengan mulia kepada kita, menjadi satu dengan kita dan menjadikan kita satu dengan-Nya. Bersama dengan Bapa yang telah mengutus Dia untuk mencipta dan menebus, untuk memulakan dan menyempurnakan cinta kasih kepada sesama manusia.

Kerana Dia mengasihi yang pada waktu subuh Ia terjadi, dengan cinta yang dirancang sebagai penyempurnaan kita, kesatuan yang sempurna dengan Dia sendiri. Dan kerana kita enggan menjadi satu dengan Dia dengan mengembalikan cinta yang pertama kali kita terima dari Roh-Nya, dia merendahkan diri kita, menjadi satu dengan kita supaya kita bersama-sama dengan Dia dan dengan Bapa yang mengutus-Nya untuk menciptakan dan menebus, memulakan dan menyempurnakan cinta Ilahi untuk manusia.

Demikianlah kita akan diangkat oleh embun ini yang jatuh di atas debu kering daging manusia kita. Kerana pada hari kedatangan-Nya, cahaya-Nya yang mulia akan menaikkan lagi embun yang jatuh pada senja pada zaman manusia: kehangatan Kristus, matahari yang terbit menggambarkan embun cinta kembali ke sumbernya, dan dengan itu, kita akan menerima Dia sebagai Juruselamat dan Raja, sebagai Cinta Inkarnasi, sebagaimana Tuhan menjadikan manusia, pada Hari Krismas.

Apa yang akan saya katakan? Dan bagaimanakah saya akan menggambarkan Kelahiran ini kepada anda? Kerana keajaiban ini telah membuatkan saya kagum. Dia (The Ancient of Days) telah menjadi bayi. Dia yang duduk di atas Arasy yang mulia dan Surgawi, kini terletak di palungan. Dan Dia yang tidak dapat disentuh, yang sederhana, tanpa kerumitan dan wujud, kini terletak pada tangan manusia. Dia yang telah mematahkan ikatan orang-orang berdosa, sekarang terikat oleh anak-anak. Tetapi Dia telah menyatakan bahawa penghinaan itu akan menjadi penghormatan, yang jahat akan dijadikan kemuliaan, dan jumlah penghinaan akan menjadi ukuran kebaikan-Nya.†

Menjadi Murid-Murid Harapan

NEWBEC

24 Disember 2017
Hari Minggu Adven Ke-4



Turunkan Embun Kamu SURGA

Rasul Paulus telah membantu kita dalam memahami pengertian yang terkandung dalam harapan Kristian. Dan ia bukan satu yang optimis, tetapi sesuatu yang lain. Dan Rasul telah membantu kita untuk memahaminya. Hari ini dia mencapainya melalui dua tingkah laku yang sangat penting untuk kehidupan dan pengalaman keimanan kita: "ketekunan" dan "penghiburan" (Roma 15:4-5). Mereka ditunjukkan dua kali dalam Petikan Surat kepada orang Rom. Apakah makna yang paling mendalam dan paling tepat? Dan dengan apa cara mereka membuang terang pada realiti harapan? Kedua-dua tingkah laku ini: ketabahan dan penghargaan.

Kita boleh memberi makna kepada ketekunan sebagai kesabaran: ia adalah keupayaan untuk bertahan, untuk memikul di atas bahu, "sokongan", kekal dalam kesetiaan, walaupun bebannya menjadi amat besar, tidak bertanggung, dan kita terdorong menghakimi secara negatif dan meninggalkan semua orang dan segalanya. Penghiburan, sebaliknya, adalah rahmat untuk menerima dan menunjuk dalam semua situasi, walaupun dalam sebahagian besarnya merupakan kekecewaan dan penderitaan, kehadiran penyayang dan tindakan Tuhan. Di sini, Rasul Paulus mengingatkan kita bahawa dalam Kitab-Kitab, iaitu Alkitab, memberi kepada kami ketekunan dan penghiburan (Roma 15:4). Malah, pada asalnya, Firman Tuhan membawa kita untuk mengarahkan pandangan kepada Yesus, untuk lebih mengenali-Nya dan mencontohi-Nya. Kemudian, Firman mendedah kepada kita persabdaan Tuhan adalah sebenarnya "Tuhan ketekunan dan penghiburan" (Roma 15:5), yang sentiasa setia akan kasih-sayang-Nya kepada kita, iaitu, Dia adalah teguh dalam cinta-Nya kepada kita, Dia tidak letih dalam mengasihi kita! Dia adalah ketekunan: Dia sentiasa mengasihi kita! Dan Dialah yang menjagai kita, membaluti luka kita dengan belaian kebaikan-Nya dan rahmat-Nya, iaitu, Dia menghiburkan kita. Dan Dia juga tidak jemu membuat demikian.

Yang difahami dalam perspektif adalah juga pengakuan awal Rasul: "Kita yang kuat, wajib menanggung kelemahan orang yang tidak kuat dan jangan kita mencari kesenangan kita sendiri" (Roma 15:1). Ungkapan "kita adalah kuat" ini mungkin bersifat angkuh, tetapi di dalam logik Injil, maksudnya bukan sebegitu, malah sebaliknya, sebab kekuatan kita bukan berasal dari diri kita, tetapi dari Tuhan. Seseorang yang mengalami dalam kehidupannya kesetiaan cinta Tuhan dan penghiburan-Nya mampu, dan lebih dari itu, mempunyai kewajipan untuk mendekati saudara-saudari yang lemah dan menerima kelemahannya. Jika kita rapat dengan Tuhan kita akan mempunyai kekuatan untuk mendekati yang lemah, yang kekurangan dan menghiburkan serta memberikan kekuatan kepada mereka. Ini boleh dicapai tanpa keseronokan dalam diri kita sendiri tetapi menganggap diri sebagai satu "saluran" untuk menghantar cenderamata Tuhan; seterusnya menjadi "penabur" harapan. Inilah permintaan Tuhan kepada kita, dengan kekuatan dan kemampuan itu untuk menghibur dan penabur harapan. Dan hari inilah menjadi keperluan menabur harapan, tetapi ia tidak mudah ...

Walaupun demikian, ia boleh dicapai jika Kristus dan Kata-Kata-Nya menjadi pedoman kita, sebab Dia adalah "kekuatan". Dialah yang memberi kita kekuatan, kesabaran, harapan dan penghiburan. Dialah "saudara yang kuat," yang menjaga kita: kita semua, sebenarnya, yang memerlukan dokongan Gembala yang baik dan perasaan yang diselubungi oleh renungan-Nya yang lembut dan bersemangat.

Tiada kesyukuran yang mencukupi kepada Tuhan atas Firman-Nya, yang termaktub dalam Kitab Suci. Di sanalah Bapa Tuhan kepada Yesus Kristus dijelma sebagai "Tuhan yang tekun dan penghiburan." Dan di sanalah kita sedar bahawa harapan itu bukan berasaskan atas kemampuan dan kekuatan kita, tetapi sokongan Tuhan dan kesetiaan cinta-Nya, atas kekuatan dan penghiburan Tuhan. †

Menjadi Murid-Murid Harapan

NEWBEC

31 Disember 2017
Perayaan Keluarga Suci



Harapan Diasaskan di Dalam Firman